

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RMT 552 - PENGURUSAN PROJEK 1

Masa : ( 3 jam )

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

- *Calon-calon dinasihatkan mengagihkan masa yang cukup untuk setiap soalan dan bahagian dalam soalan.*

1. a) Sesebuah firma kontraktor, biasanya memerlukan pembiayaan untuk membiayai projek binaan atau menguruskan aliran tunai dalam jangka masa projek binaan untuk membolehkan firma tersebut menjalankan pembinaan.

Jelaskan dalam bentuk grafik atau rajah, bagaimana sumber pembiayaan dari pemegang saham syarikat dan dari pinjaman digunakan dan disalurkan ke dalam firma kontraktor tersebut dan bagaimanakah pembiayaan ini digunakan untuk tujuan tersebut diatas.

- b) Jelaskan maksud **Tiga** dari terminologi dibawah:

- (i) Pulangan keatas pelaburan
- (ii) Modal Kerja
- (iii) Aset Tetap
- (iv) Simpanan
- (v) Keuntungan

(25 markah)

2. a) Pergantungan industri binaan kepada pertumbuhan ekonomi negara ialah satu kelemahan tersendiri industri ini.

Bincangkan kenyataan di atas dan perhubungannya dengan pertumbuhan industri binaan di negara Malaysia.

- b) Kapasiti industri binaan Malaysia bergantung besar kepada penawaran sumber tenaga kerja, penawaran bahan binaan dan perpindahan teknologi. Ketiga-tiga perkara ini sering diperbincangkan. Misalnya masalah pekerja asing yang semakin meningkat, tekanan kepada perpindahan teknologi yang perlu ditingkatkan dan keperluan pada pengeluaran bahan binaan dengan lebih banyak.

Bincangkan kesan jangka panjang kepada industri binaan Malaysia yang dihadapi oleh salah satu dari tiga perkara yang dinyatakan di atas.

(25 markah)

3. Penswastaan projek yang bersaiz besar di Malaysia merupakan perkembangan muktahir dalam sistem pemerolehan projek di Malaysia. Penswastaan dan konsepnya akan menghasilkan manfaat kepada semua pihak. Industri binaan mendapati yang pertumbuhannya dalam tahun 1990an ini meningkat kepada lebih dari 10 peratus setahun. Manfaat kepada sesetengah firma kontraktor pula dikatakan amat luas, dari peningkatan keupayaan untuk mempengaruhi pasaran industri binaan sehinggalah kepada peningkatan pengkhususan, peluang untuk diversifikasi, peluang mencuba mendapatkan projek melalui kaedah pemerolehan bukan tradisional, pertumbuhan firma kontraktor yang semakin meningkat dan persaingan lebih awal dapat dimulakan untuk mendapatkan projek. Walau bagaimanapun tidak semua firma kontraktor mendapat manfaat dari penswastaan.

- a) Bincangkan **Tiga** situasi yang dapat dimanfaatkan oleh firma kontraktor bersaiz besar atau sederhana dan bagaimana ini dapat dicapai.
- b. Bincangkan **Tiga** situasi yang tidak dapat dimanfaatkan oleh firma kontraktor bersaiz besar dan sederhana dan kenapa perkara ini tidak dapat dicapai.

(25 markah)

4. Pembangunan industri binaan di Malaysia didahului oleh permintaan dari berbagai sektor ekonomi seperti aktiviti perumahan, industri, komersil, pelancongan dan infrastruktur. Pembangunan industri ini juga akan bergantung kepada penawaran bahan, pembangunan tenaga kerja, pembangunan firma kontraktor dan juga pembangunan firm pemaju.

- a) Bincangkan peluang pertumbuhan salah satu dari aktiviti ekonomi dan kesannya kepada pertumbuhan industri binaan.

- b. Daripada bahagian 4(a) di atas bincangkan bagaimanakah industri binaan dapat menghadapi permintaan yang dijangka akan wujud.

(25 markah)

5. Sistem penawaran perumahan di Malaysia bergantung kepada kuasa pasaran tetapi dipengaruhi dan juga dikawal oleh kerajaan dan juga oleh faktor luaran. Ini termasuklah keperluan perundangan untuk menyediakan perumahan kos rendah, kawalan kepada harga bahan asas dan keperluan perundangan berkenaan persekitaran.

a) Senaraikan dan jelaskan **Tiga** faktor utama penawaran dan **Tiga** faktor utama permintaan untuk perumahan.

b) Jelaskan **Tiga** sebab mengapa kerajaan perlu mengawal sistem penawaran perumahan di Malaysia, melalui pengawalan harga bahan asas, penguatkuasaan keperluan pengekalan persekitaran dan juga kuota perumahan kos rendah.

(25 markah)

6. Jelaskan maksud dengan tepat dan sertai dengan contoh atau aplikasi dalam industri binaan, **Dua** dari perkara yang disenaraikan di bawah.

a) Prinsip pencepatan dan aplikasi.

b) Analisis nisbah dan penggunaannya dalam industri binaan dan nisbah-nisbah penting yang digunakan dalam analisis nisbah.

c) Perumahan terupaya.

d) Sektor pembiayaan dalam industri binaan.

e) Sektor pemaju dalam industri binaan.

f) Pasaran dalam industri binaan.

g) Firma kontraktor dan keperluan diversifikasi.

h) Perundangan dan keperluan pertumbuhan industri binaan.

i) Teknik analisis yang sesuai untuk mengkaji organisasi atau pun industri selain dari kaedah kewangan.

(25 markah)

The first part of the document is a list of names and titles, including:

- 1. The Hon. Mr. Justice G. D. C. ...
- 2. The Hon. Mr. Justice ...
- 3. The Hon. Mr. Justice ...
- 4. The Hon. Mr. Justice ...
- 5. The Hon. Mr. Justice ...
- 6. The Hon. Mr. Justice ...
- 7. The Hon. Mr. Justice ...
- 8. The Hon. Mr. Justice ...
- 9. The Hon. Mr. Justice ...
- 10. The Hon. Mr. Justice ...
- 11. The Hon. Mr. Justice ...
- 12. The Hon. Mr. Justice ...
- 13. The Hon. Mr. Justice ...
- 14. The Hon. Mr. Justice ...
- 15. The Hon. Mr. Justice ...
- 16. The Hon. Mr. Justice ...
- 17. The Hon. Mr. Justice ...
- 18. The Hon. Mr. Justice ...
- 19. The Hon. Mr. Justice ...
- 20. The Hon. Mr. Justice ...

The second part of the document is a list of names and titles, including:

- 1. The Hon. Mr. Justice ...
- 2. The Hon. Mr. Justice ...
- 3. The Hon. Mr. Justice ...
- 4. The Hon. Mr. Justice ...
- 5. The Hon. Mr. Justice ...
- 6. The Hon. Mr. Justice ...
- 7. The Hon. Mr. Justice ...
- 8. The Hon. Mr. Justice ...
- 9. The Hon. Mr. Justice ...
- 10. The Hon. Mr. Justice ...
- 11. The Hon. Mr. Justice ...
- 12. The Hon. Mr. Justice ...
- 13. The Hon. Mr. Justice ...
- 14. The Hon. Mr. Justice ...
- 15. The Hon. Mr. Justice ...
- 16. The Hon. Mr. Justice ...
- 17. The Hon. Mr. Justice ...
- 18. The Hon. Mr. Justice ...
- 19. The Hon. Mr. Justice ...
- 20. The Hon. Mr. Justice ...